



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**PERKAITAN STATUS PEMAKANAN DAN PENGLIBATAN IBU BAPA
DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK DALAM KALANGAN KANAK-
KANAK SEKOLAH RENDAH DI SELANGOR, MALAYSIA**

SARINA BINTI SARIMAN

FPSK(m) 2011 15

**PERKAITAN STATUS PEMAKANAN DAN PENGLIBATAN IBU BAPA DENGAN
PENCAPAIAN AKADEMIK DALAM KALANGAN KANAK-KANAK
SEKOLAH RENDAH DI SELANGOR, MALAYSIA**



Oleh

SARINA BINTI SARIMAN

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains
(Pemakanan Komuniti)**

Mei 2011

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada senat Universiti Putra Malaysia untuk memenuhi syarat mendapatkan ijazah Master Sains

**PERKAITAN STATUS PEMAKANAN DAN PENGLIBATAN IBU BAPA DENGAN
PENCAPAIAN AKADEMIK DALAM KALANGAN KANAK-KANAK
SEKOLAH RENDAH DI SELANGOR, MALAYSIA**

Oleh

SARINA BINTI SARIMAN

Mei 2011

Pengerusi : Profesor Madya Zalilah Mohd. Shariff, PhD

Fakulti : Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan

Pelbagai faktor telah dikaitkan dengan pencapaian akademik yang rendah dalam kalangan kanak-kanak sekolah di Malaysia, namun hasil kajian yang dilaporkan masih tidak konsisten. Oleh yang demikian, kajian keratan rentas ini dijalankan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik kanak-kanak sekolah berumur 8 – 10 tahun di Hulu Selangor. Seramai 332 orang kanak-kanak daripada 6 buah sekolah di kawasan Bukit Beruntung dan Kuala Kubu Bharu telah terpilih untuk menyertai kajian ini. Borang soal-selidik telah digunakan untuk mendapatkan maklumat mengenai latar-belakang sosioekonomi dan demografi, serta penglibatan ibu bapa dalam aktiviti akademik kanak-kanak. Pengukuran berat badan dan tinggi kanak-kanak telah dijalankan untuk menentukan status pertumbuhan kanak-kanak. Pengambilan makanan kanak-kanak telah diukur menggunakan kaedah Ingatan Diet 24 Jam (2 hari). Purata markah peperiksaan akhir tahun bagi empat mata pelajaran yang utama iaitu Bahasa Melayu (karangan dan kefahaman), Bahasa Inggeris dan Matematik pula

digunakan untuk menentukan pencapaian akademik kanak-kanak sekolah rendah. Hasil kajian mendapati bahawa sebanyak 14.8% isi rumah berada dalam kemiskinan dengan 8.6% ibu dan 4.8% bapa didapati tidak mempunyai pendidikan yang formal. Kebanyakan ibu (57.1%) adalah surirumah manakala kebanyakan bapa (61.3%) pula bekerja di sektor swasta. Prevalens kebantutan, kekurangan berat badan dan berlebihan berat badan/obes adalah sebanyak 22.3% 25.1% dan 8.7% masing-masing. Majoriti kanak-kanak tidak mengambil jumlah tenaga yang mencukupi dengan pengambilan kebanyakan nutrien tidak mencapai jumlah yang disarankan oleh RNI. Kajian mendapati bahawa terdapat perbezaan markah peperiksaan kanak-kanak bagi faktor-faktor jantina anak ($p < 0.01$), saiz isi rumah ($p < 0.05$), bilangan anak ($p < 0.05$), pendidikan ibu bapa ($p < 0.01$), pendapatan per kapita ($p < 0.01$), indeks tinggi-ikut-umur ($p < 0.05$) serta pengambilan tenaga ($p < 0.01$), protein ($p < 0.01$), vitamin A ($p < 0.01$) dan ferum ($p < 0.01$). Tiada perbezaan markah peperiksaan yang signifikan bagi faktor-faktor penglibatan ibu bapa dalam aktiviti akademik kanak-kanak. Hasil kajian akhir menunjukkan bahawa pencapaian akademik kanak-kanak sekolah ini dipengaruhi oleh pendidikan ibu ($p < 0.01$), pengambilan tenaga ($p < 0.01$) dan perbelanjaan bukan makanan dalam isi rumah ($p < 0.05$) ($R^2 = 27.1$; $F=17.241$, $p < 0.001$). Faktor-faktor yang sama juga didapati mempengaruhi pencapaian akademik kanak-kanak sekolah berbangsa India ($R^2 = 30.8$; $F=14.559$, $p < 0.001$). Bagi kanak-kanak Melayu pula, pencapaian akademik dipengaruhi oleh pengambilan tenaga ($p < 0.01$) dan umur anak ($p < 0.01$) ($R^2 = 32.4$; $F=9.117$, $p < 0.001$).

Implementasi program-program pemakanan dan kesihatan di sekolah perlu mengambil kira interaksi pelbagai faktor sosioekonomi dan demografi serta faktor pemakanan dan kesihatan kanak-kanak. Program-program intervensi yang mengambil kira penglibatan ibu bapa dan guru-guru juga diharapkan dapat memberikan impak yang positif dalam melahirkan kanak-

kanak yang cemerlang dari segi intelek, emosi, rohani dan juga jasmani seterusnya menjamin masa depan persekolahan yang lebih baik.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree Master of Science

THE ASSOCIATION OF NUTRITIONAL STATUS AND PARENTAL INVOLVEMENT WITH ACADEMIC ACHIEVEMENT OF PRIMARY SCHOOL CHILDREN IN SELANGOR, MALAYSIA

By

SARINA BINTI SARIMAN

May 2011

Chairman : Associate Professor Zalilah Mohd. Shariff, PhD

Faculty : Faculty of Medicine and Health Sciences

Various factors have been associated with low academic achievement of primary school children but findings are still inconsistent. Thus, this cross-sectional study was conducted to determine factors that influence academic achievement among primary school children aged 8-10 years in Hulu Selangor. Three hundred and thirty two respondents were recruited from 6 schools in Bukit Beruntung and Kuala Kubu Bharu. Parents were interviewed for their socioeconomic and demographic backgrounds, as well as their involvement in children's academic activities. Children's height and weight were measured to determine their growth status. Two days 24-hour diet recalls were used to assess respondents' breakfast intake as well as adequacy of energy and nutrients intake. Final year examination results for 4 subjects i.e. Malay Language (composition and comprehension) English Language and Mathematics were used to determine academic achievement of primary school children. Results showed that 14.8% of the households in this study lived in poverty with 8.6% of mothers and 4.8% of

fathers did not receive any formal schooling. Most of the mothers (57.1%) were housewives while most of the fathers (61.3%) worked in the private sector. The prevalence of stunting, underweight and overweight/obese among the children was 22.3%, 25.1% and 8.7% respectively. Energy intake was low with several nutrients not reaching the recommended intakes. Results showed that academic achievement differed by gender ($p < 0.01$), household size ($p < 0.05$), number of children in the household ($p < 0.05$), parental education ($p < 0.01$), per capita income ($p < 0.01$), height-for-age ($p < 0.05$) as well as energy ($p < 0.01$), protein ($p < 0.01$), vitamin A ($p < 0.01$) and iron ($p < 0.01$) intakes of the children. There is no significant difference in academic achievement by degree of parental involvement in children's academic activities. Results also showed that academic achievement of primary school children was explained by mother's education ($p < 0.01$), energy intake of children ($p < 0.01$) and household expenditure of non-food items ($p < 0.05$) ($R^2 = 27.1$; $F = 17.241$, $p < 0.001$). When separate analysis was conducted according to ethnic groups, the same factors came out for Indian primary school children ($R^2 = 30.8$; $F = 14.559$, $p < 0.001$). For the Malays, academic achievement was explained by energy intake ($p < 0.01$) and age of the children ($p < 0.01$) ($R^2 = 32.4$; $F = 9.117$, $p < 0.001$). Implementation of school's nutrition and health promotion program should take into consideration the interaction of various socioeconomic, demographic, nutritional and child health factors. Involvement of parents and teachers in intervention program targeted for the children can give positive impacts on the intellectual, emotional, spiritual and physical well being of the children thus ensuring better future for them.

JADUAL KANDUNGAN

| | Muka Surat |
|-----------------------|--|
| ABSTRAK | ii |
| ABSTRACT | v |
| PENGHARGAAN | x |
| PENGESAHAN | xii |
| PERAKUAN | xiv |
| SENARAI JADUAL | xv |
| SENARAI RAJAH | xviii |
| BAB | |
| 1 | PENDAHULUAN |
| | 1.1 Pendahuluan 1 |
| | 1.2 Kenyataan Masalah 4 |
| | 1.3 Objektif Kajian 8 |
| | 1.4 Rangkakerja Konsep Penyelidikan 9 |
| | 1.5 Kepentingan Kajian 11 |
| 2 | PENULISAN SEMULA KARYA-KARYA LEPAS |
| | 2.1 Pencapaian Akademik Kanak-kanak 14 |
| | 2.2 Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Pencapaian Akademik Kanak-kanak 17 |
| | 2.2.1 Demografi dan Sosioekonomi 18 |
| | 2.2.2 Berat Lahir 21 |
| | 2.2.3 Penyusuan Susu Ibu 24 |
| | 2.2.4 Status Pemakanan dan Kesihatan Kanak-kanak 28 |
| | 2.2.4.1 Malnutrisi 28 |
| | 2.2.4.2 Kekurangan Ferum 31 |
| | 2.2.4.3 Kekurangan Iodin 35 |
| | 2.2.4.4 Kekurangan Zink 38 |
| | 2.2.4.5 Sarapan Pagi 42 |
| | 2.2.5 Penglibatan Ibu bapa 47 |
| 3 | METODOLOGI |
| | 3.1 Latar Belakang Kajian 54 |
| | 3.1.1 Persampelan dan Lokasi kajian 54 |
| | 3.2 Pengukuran dan Instrumen Kajian 60 |
| | 3.2.1 Sosioekonomi dan Demografi 60 |
| | 3.2.2 Pengukuran Antropometri 62 |
| | 3.2.3 Pengambilan Diet 63 |
| | 3.2.4 Perbandingan Peratus Pencapaian RNI dengan Nutrien-nutrien Tertentu 64 |
| | 3.2.5 Penentuan Kualiti Diet Berdasarkan Bilangan Sajian Piramid Makanan 65 |

| | | |
|----------|---|-----|
| 3.2.6 | Pengambilan Sarapan Pagi | 65 |
| 3.2.7 | Penglibatan Ibu Bapa | 66 |
| 3.2.8 | Pencapaian Akademik | 71 |
| 3.3 | Analisis Statistik | 72 |
| 4 | HASIL KAJIAN | |
| 4.1 | Faktor Sosioekonomi dan Demografi | 74 |
| 4.2 | Status Pemakanan Kanak-kanak | 77 |
| 4.2.1 | Pengukuran Antropometri | 77 |
| 4.2.2 | Pengambilan Tenaga dan Nutrien | 79 |
| 4.2.3 | Sumbangan Makronutrien Kepada Jumlah Pengambilan Tenaga dan Bilangan sajian Berdasarkan Piramid Makanan | 83 |
| 4.2.4 | Pengambilan Sarapan Pagi | 87 |
| 4.3 | Penglibatan Ibu Bapa dalam Aktiviti Akademik Kanak- kanak | 89 |
| 4.4 | Pencapaian Akademik Kanak-kanak | 93 |
| 4.5 | Perbezaan Pencapaian Akademik Kanak-kanak Bagi Faktor-faktor Sosioekonomi, Demografi dan Isirumah | 97 |
| 4.6 | Perbezaan Pencapaian Akademik Kanak-kanak Bagi Faktor-faktor Status Pemakanan Kanak-kanak | 103 |
| 4.7 | Perbezaan Pencapaian Akademik Kanak-kanak Bagi Faktor-faktor Penglibatan Ibu Bapa dalam Aktiviti Akademik Kanak-kanak | 107 |
| 4.8 | Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Pencapaian Akademik Kanak-kanak Sekolah | 112 |
| 5 | PERBINCANGAN | |
| 5.1 | Faktor Sosioekonomi dan Demografi | 122 |
| 5.2 | Status Pemakanan Kanak-kanak | 125 |
| 5.2.1 | Pengukuran Antropometri | 125 |
| 5.2.2 | Pengambilan Makanan kanak-kanak | 133 |
| 5.3 | Penglibatan Ibu Bapa dalam Aktiviti Akademik Kanak- kanak | 138 |
| 5.4 | Pencapaian Akademik Kanak-kanak Sekolah Berumur 8 – 9 tahun di Hulu Selangor | 140 |
| 5.5 | Faktor-Faktor Yang Menyumbang Kepada Tahap Pencapaian Akademik Kanak-kanak Sekolah | 145 |

| | | |
|----------|--------------------------------|-----|
| 6 | KESIMPULAN DAN CADANGAN | |
| | 6.1 Kesimpulan | 155 |
| | 6.2 Cadangan | 158 |
| | 6.3 Limitasi Kajian | 162 |

RUJUKAN
LAMPIRAN
BIODATA PELAJAR
PENERBITAN

